Media: Kosmo

Date: 30 March 2023

Kempen sahur Seri-Aji kembali

PETALING JAYA – Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB) kembali menganjurkan kempen Bersahur bersama Seri-Aji tahun ini sebagai sebahagian daripada inisiatif penciptaan nilai bersama oleh Kumpulan Ajinomoto untuk mempromosikan resipi nasi goreng yang lazat, seimbang dan mudah dinikmati seisi keluarga.

Melalui kempen berkenaan, AMB berkongsikan kebaikan bulan Ramadan bersama orang ramai, bermula dengan mendidik golongan masyarakat yang kurang berkemampuan tentang kepentingan makanan seimbang semasa sahur.

AMB turut menyumbang bahan keperluan bagi menyediakan sajian seimbang seperti produk Seri-Aji, beras, ayam, ikan bilis, dan kurma kepada rumah-rumah anak yatim supaya mereka dapat memulakan hari dengan sahur yang enak dan lengkap.

AMB dalam satu kenyataan berkata, pihaknya turut menganjurkan Pertandingan Beli dan Menang Bersahur Bersama Seri-Aji yang menyediakan peluang untuk pelanggan memenangi sebahagian daripada hadiah bernilai RM20,000 termasuk wang tunai, peralatan memasak dan balang kuih.

"Selain itu, Ajinomoto Malaysia juga akan berkongsi resipi produk Seri-Aji dengan rakyat Malaysia bagi penyediaan sahur sepanjang Ramadan. Hidangan yang dikongsikan bukan sahaja cepat dan mudah untuk disediakan, malah seimbang dan lazat," katanya.



KAKITANGAN AMB mengunjungi sebuah rumah jagaan anak-anak yatim dan menyampaikan sumbangan barangan keperluan makanan sempena kempen Bersahur bersama Seri-Aji di Kuala Lumpur baru-baru ini.